



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

TEKS UCAPAN

YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)

PERHIMPUNAN BULANAN PETRA BIL.2 TAHUN 2026

22 MEI 2026 (JUMAAT)

DEWAN BAIDURI, ARAS G, MENARA PETRA

Bismillahirrahmanirrahim

(SALUTASI)

Assalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, kita berkumpul hari ini dalam **Perhimpunan Bulanan Kementerian PETRA Bil.2 Tahun 2026.**

1) PENGHARGAAN DAN AMANAT

i)Terima kasih kepada seluruh warga PETRA atas komitmen dan semangat kebersamaan ditunjukkan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada kementerian dan negara. Setiap usaha

dan pengorbanan saudara dan saudari amat bermakna dalam memastikan PETRA kekal sebagai kementerian yang berupaya memacu agenda pembangunan negara demi kesejahteraan rakyat.

ii) PETRA berperanan penting khususnya dalam aspek peralihan tenaga, keselamatan bekalan air dan kelestarian sumber negara. Cabaran kini semakin kompleks, memerlukan warga kementerian yang kompeten dan berintegriti, berfikiran strategik dan sentiasa bersedia beradaptasi dengan perubahan semasa.

2) KRISIS GLOBAL DAN KOMITMEN KERAJAAN

i) Dunia sedang berhadapan dengan ketidakpastian rantai bekalan global serta krisis bekalan yang memberi kesan kepada kebanyakan negara. Ia bukan sekadar isu berkaitan minyak dan gas, tetapi suatu cabaran besar yang memberi kesan langsung kepada ekonomi. Malaysia turut menerima tempas daripada situasi ini, namun kerajaan kekal komited mendepani cabaran dengan pendekatan pragmatik bagi memastikan kebajikan rakyat menjadi keutamaan dalam keputusan dan dasar yang dilaksanakan.

ii) Fokus utama kerajaan adalah memastikan bekalan keperluan asas negara kekal stabil, melindungi rakyat daripada tekanan kos hidup yang melampau serta memperkukuh daya tahan ekonomi negara bagi jangka panjang. Pelbagai langkah termasuk bantuan bersasar, kawalan harga, pengukuhan keselamatan tenaga serta kerjasama strategik antara kerajaan,

industri dan rakyat sedang dan terus dilaksanakan. Apa yang penting, krisis ini perlu dengan semangat kebersamaan.

3) PENCAPAIAN PETRA

i) Alhamdulillah, hasil komitmen dan kerjasama seluruh warga PETRA serta Jabatan dan Agensi di bawahnya, Kementerian telah berjaya melaksanakan pelbagai inisiatif dan projek yang memberi manfaat langsung kepada rakyat dalam sektor air dan tenaga, justeru membuktikan warga PETRA mampu bergerak sebagai satu pasukan yang komited, profesional dan berdaya saing dalam merealisasikan agenda Malaysia MADANI.

ii) Antaranya, usaha memperkukuh agenda peralihan tenaga negara melalui peningkatan kapasiti tenaga boleh baharu, pengukuhan inisiatif kecekapan tenaga serta kerjasama strategik di peringkat ASEAN berkaitan ASEAN Power Grid dan keselamatan tenaga serantau.

iii) Pada awal minggu ini, saya telah merasmikan Santong Battery Energy Storage System (BESS) yang dibangunkan oleh Tenaga Nasional Berhad di Dungun, Terengganu. Projek BESS Santong berkapasiti 100MW/400MWj ini merupakan antara projek sistem penyimpanan tenaga bateri utiliti berskala besar terawal di Malaysia, sebagai komitmen kerajaan memperkukuh kestabilan grid elektrik serta menyokong integrasi tenaga boleh baharu (TBB) dalam sistem pembekalan elektrik negara dengan mengambilkira kemampuan kos kepada rakyat.

iv) Dalam sektor air pula, PETRA terus komited melaksanakan 90 projek bekalan air, 130 projek tebatan banjir, 49 projek pembedungan termasuk pengurusan sumber air secara mampan demi kesejahteraan rakyat. Pelbagai projek pembangunan berjaya disiapkan di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Bekalan Air serta Jabatan Perkhidmatan Pembedungan.

4) INTEGRITI & BUDAYA KERJA

i) Kecemerlangan organisasi lahir daripada warga berintegriti, berdisiplin dan profesional. Justeru penting untuk warga PETRA terus profesional dalam melaksanakan amanah dan tugas yang diberikan. Kepercayaan rakyat terhadap kementerian bergantung kepada cara kita bekerja, membuat keputusan dan membawa imej perkhidmatan awam.

ii) Kita juga perlu terus memperkukuh budaya kerja berpasukan, saling menghormati dan saling membantu tanpa mengira bahagian, jabatan mahupun agensi. Kejayaan PETRA bukan terletak pada pencapaian individu semata-mata, tetapi lahir daripada kekuatan kebersamaan seluruh warga kementerian.

iii) Selain memperkukuh budaya kerja berpasukan dengan saling membantu tanpa mengira bahagian, jabatan dan agensi, saya berharap seluruh warga PETRA akan terus meningkatkan keupayaan diri, ilmu dan kemahiran serta bersedia beradaptasi dengan perkembangan teknologi dan kehendak semasa agar perkhidmatan awam kekal relevan memenuhi keperluan rakyat serta negara.

5) SELAMAT HARI PEKERJA 1 MEI 2026

i) Pada 1 Mei 2026 yang lalu, kontinjen PETRA telah hadir memberikan sokongan dalam Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan di Unifi Arena, Bukit Jalil bertemakan “MADANI KESUMA Bangsa”. Terima kasih kepada seluruh warga PETRA yang telah bersama-sama menjayakan sambutan tersebut

ii) Kejayaan dan pencapaian PETRA pada hari ini adalah hasil usaha bersama seluruh warga kementerian yang sentiasa komited melaksanakan amanah dengan semangat tanggungjawab yang tinggi demi negara tercinta. Saya ingin mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada seluruh warga PETRA, terima kasih atas segala jasa, pengorbanan dan komitmen semua.

6) SELAMAT HARI IBU

i) Sempena sambutan Hari Ibu pada 10 Mei 2026 yang lalu, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh ibu, khususnya warga wanita PETRA yang sentiasa cekal mengimbangi tanggungjawab di tempat kerja dan juga keluarga. Semoga segala jasa dan pengorbanan para ibu sentiasa diberkati dan dikurniakan ganjaran yang sebaik-baiknya.

7) SELAMAT MENUNAIKAN IBADAH HAJI 1447H

i)Ucapan tahniah dan selamat menunaikan ibadah haji kepada warga PETRA yang terpilih menjadi tetamu Allah SWT pada tahun ini. Semoga dikurniakan kesihatan yang baik, dipermudahkan segala urusan serta memperoleh haji yang mabrur.

8) PENGUMUMAN REBAT SOLAR

i)Bagi membantu rakyat dalam menghadapi krisis bekalan global dalam sektor tenaga akibat daripada konflik di Asia Barat, saya dengan sukacita mengumumkan rebat solar di bawah program Sustainable Rebate and Incentive Assistance atau SuRIA.

ii)Di bawah program SuRIA, Kementerian akan melancarkan inisiatif SuRIA Home di mana pengguna Domestik yang memasang sistem Solar ATAP dan memenuhi kriteria kelayakan boleh menerima rebat sebanyak RM600 bagi setiap 1kWac pemasangan solar sehingga maksimum RM3,000 bersamaan 5kWac. Program ini dijangka memberi manfaat kepada antara 45,000 hingga 50,000 rumah dengan kapasiti solar terkumpul sekitar 250MW, sekali gus memperluas penggunaan solar bumbung kediaman di seluruh negara.

iii)Program SuRIA Home akan dibuka kepada pemasangan solar yang di bawah program Solar ATAP yang mula beroperasi bagi tempoh sehingga 31 Disember 2026 atau sehingga kuota 250MW dipenuhi, yang mana terdahulu. Pelaksanaan rebat pula akan bermula pada 1 Jun 2026 dan tertakluk kepada *prinsip first come, first served*.

9) ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM) PETRA

i) Budaya inovasi perlu terus diperkasakan dalam setiap peringkat organisasi bagi mencari pendekatan lebih cekap, lebih pantas dan lebih berkesan dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

ii) Penganjuran Anugerah Inovasi Menteri bertujuan menghargai idea dan kreativiti warga PETRA, selain turut menyemai budaya kerja progresif, dinamik dan berorientasikan penyelesaian.

iii) AIM PETRA diwujudkan sebagai platform pengiktirafan kepada Bahagian, Jabatan dan Agensi di bawah PETRA yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam pengurusan, reka bentuk serta pelaksanaan projek pembangunan.

iv) Untuk makluman, lima (5) projek telah dinilai melalui sesi pembentangan dan lawatan tapak oleh panel penilai yang dilantik sepanjang tempoh September hingga Disember 2025 dengan keputusan dimuktamadkan secara sebulat suara oleh panel penilai.

v) Tahniah kepada semua pemenang dan peserta yang telah menunjukkan komitmen, kreativiti dan dedikasi yang tinggi dalam menjayakan projek-projek pembangunan PETRA demi kepentingan rakyat dan negara. Moga menjadi inspirasi kepada seluruh warga PETRA untuk terus mencetuskan idea-idea bernilai tinggi dalam organisasi.

10) PENUTUP/HARAPAN

i) Sekali lagi, penghargaan ditujukan kepada seluruh warga PETRA atas segala usaha, komitmen dan pengorbanan.

ii) Semoga PETRA terus maju jaya sebagai kementerian yang cemerlang, berprestasi tinggi, dihormati dan sentiasa diyakini rakyat dalam memacu agenda pembangunan negara.

Sekian, Wabillahi Taufiq Wal Hidayah. Assalamualaikum Wa Rahmatullahi Wa Barakatuh.